

## KEMASUKAN KE PRA BESTARI DAN TAHUN 1

### SYARAT-SYARAT ASAS :

1. PEMOHON MENGEMUKAKAN PERMOHONAN SECARA TALIAN DARIPADA TARIKH IKLAN DIKELUARKAN SEHINGGA 1 SEPTEMBER.
2. PEMOHON HENDAKLAH MENCAPAI UMUR ENAM (6) TAHUN PADA TAHUN DAFTAR KEMASUKAN BAGI PEMOHON KE PRA BESTARI DAN TUJUH (7) TAHUN DAFTAR KEMASUKAN BAGI PEMOHON KE TAHUN 1 SEKOLAH SRI SEREMBAN.
3. PEMOHON ADALAH BERKEADAAN NORMAL DARIPADA ASPEK FIZIKAL DAN MENTAL DAN BAGI KATEGORI ORANG KURANG UPAYA (OKU) HENDAKLAH PADA TAHAP KENDIRI.
4. PEMOHON HENDAKLAH MENDUDUKI PEPERIKSAAN UJIAN KELAYAKAN YANG YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK SEKOLAH DAN BERJAYA MENCAPAI KELULUSAN MINIMA IAITU LULUS DALAM SEMUA MATAPELAJARAN BAGI DAFTAR KEMASUKAN KE TAHUN 1 DAN KELULUSAN MINIMA YANG DIPERSETUJUI OLEH PANEL PEPERIKSAAN BAGI DAFTAR KEMASUKAN KE PRA BESTARI.
5. IBU BAPA ATAU PENJAGA PEMOHON MEMPUNYAI KEMAMPUAN KEWANGAN YANG DITETAPKAN OLEH PIHAK SEKOLAH IAITU PENDAPATAN ISI RUMAH DENGAN TANGGUNGAN ADALAH MUNASABAH.
6. IBU BAPA ATAU PENJAGA PEMOHON MEMPUNYAI KOMITMEN YANG TINGGI DALAM MENYOKONG SEMUA PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH SEKOLAH SRI SEREMBAN.

### KEUTAMAAN :

1. PEMOHON YANG MEMPUNYAI ADIK-BERADIK MASIH BERSEKOLAH DI SEKOLAH SRI SEREMBAN.
2. PEMOHON YANG MEMPUNYAI ADIK-BERADIK PERNAH BERSEKOLAH DI SEKOLAH SRI SEREMBAN.
3. ANAK KEPADA KAKITANGAN SEKOLAH SRI SEREMBAN ATAU LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH SRI SEREMBAN.
4. IBU BAPA ATAU PENJAGA PEMOHON MEMPUNYAI KOMITMEN YANG TINGGI DALAM USAHA MEMBANTU MENJAYAKAN SEGALA BENTUK PROGRAM YANG DIKELOLAKAN OLEH SEKOLAH SRI SEREMBAN.

### HILANG KELAYAKAN MEMOHON :

1. IBU BAPA ATAU PENJAGA PEMOHON YANG TELAH DISENARAI HITAMKAN OLEH UNIT KEWANGAN SEKOLAH SRI SEREMBAN.
2. IBU BAPA ATAU PENJAGA PEMOHON YANG PERNAH TERLIBAT DALAM KEGIATAN YANG BOLEH MENCEMARAKAN NAMA BAIK SEKOLAH SRI SEREMBAN SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG MELAKUKAN KHIANAT KEPADA SEKOLAH SRI SEREMBAN.
3. IBU BAPA ATAU PENJAGA PEMOHON YANG PERNAH MEMPUNYAI ANAK BERSEKOLAH DI SEKOLAH SRI SEREMBAN DAN MEMBERHENTIKAN TANPA SEBAB YANG MUNASABAH.
4. IBU BAPA ATAU PENJAGA PEMOHON YANG MEMPUNYAI ANAK BERSEKOLAH DI SEKOLAH SRI SEREMBAN TETAPI TIDAK MENUNJUKKAN MINAT KEPADA PROGRAM SEKOLAH DAN USAHA MENJAYAKAN SEKOLAH SRI SEREMBAN.

### DISEDIAKAN OLEH :

BAHAGIAN PENDAFTARAN

SEKOLAH SRI SEREMBAN

## CARA MEMOHON PRA DAN SEKOLAH RENDAH

TAKWIM UMUM PEMOHONAN PENDAFTARAN BAGI KEMASUKAN PRA & TAHUN 1 BAGI SETIAP SESI.

JANUARI - 1 SEPTEMBER

PEMOHONAN PENDAFTARAN OLEH IBU BAPA / PENJAGA

22 SEPTEMBER (TIGA MINGGU SELEPAS TARIKH TUTUP PERMOHONAN)

UJIAN KELAYAKAN PRA & TAHUN 1

CARA-CARA MEMOHON :

1. ISI BORANG SECARA ONLINE.

2. CETAK SLIP PENDAFTARAN PEMOHONAN.

3. HANTARKAN SLIP PENDAFTARAN PEMOHONAN KE PEJABAT SEKOLAH SRI SEREMBAN BERSAMA-SAMA :

A) SALINAN KAD PENGENALAN BAPA

B) SALINAN KAD PENGENALAN IBU

C) SALINAN SURAT BERANAK ANAK

4. ATAU POSKAN KEPADA :

BAHAGIAN PENGURUSAN PENDAFTARAN PELAJAR

SEKOLAH SRI SEREMBAN

120, JALAN DATO' KELANA MA'AMOR

70200, SEREMBAN

N.SEMBILAN

5. SEKIRANYA MAKLUMAT YANG DIISI TIDAK LENGKAP ATAU SALINAN SIJIL YANG DILAMPIRKAN TIDAK LENGKAP MAKA PEMOHONAN TERSEBUT TIDAK AKAN DIPROSES.